

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, December 10, 2017 7:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syarahan Felo Adjung NCRC Tekan Isu Keperluan Transformasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



10 DISEMBER 2017 / 21 RABIULAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

SYARAHAN FELO ADJUNG NCRC TEKAN ISU KEPERLUAN TRANSFORMASI



UUM ONLINE: Sejarar dengan perubahan zaman dan teknologi masa kini, Syarahan Felo Adjung NCRC bertajuk 'Agile Leadership: Key For Organisation Transformation' oleh Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Ridzuan (IDR), Dr Mazalan Kamis menekankan tentang keperluan dan pentingnya transformasi dalam kehidupan dan organisasi.

Dr Mazalan berkata, dunia sekarang sedang melalui perubahan atau transformasi di depan mata sama ada disedari atau tidak oleh masyarakat dan perubahan tersebut tidak boleh ditolak.

Katanya, sekiranya masyarakat gagal untuk mengikut arus perubahan, mampukah untuk kekal relevan dengan apa yang sudah ada kerana transformasi itu bukan satu pilihan tetapi relevan apabila perlu lakukan perubahan termasuk dalam organisasi.

"Kita lihat perubahan demi perubahan berlaku, malah kerana transformasi yang berlaku ini juga kita lihat ada sesetengah organisasi yang hilang kerana tidak mengikut perubahan ini".

"Sehubungan itu, kita perlu bersedia..begitu juga dengan universiti yang pada bila-bila masa sahaja akan turut berubah kepada pendidikan digital, jadi perlu tingkat kesedaran ini," ujarnya.

Dr Mazalan turut berkongsi tentang transformasi yang berlaku di IDR, sebuah badan pemikir untuk Negeri Perak Darul Ridzuan menjalankan penyelidikan dalam hal pembangunan sosioekonomi untuk mendapatkan pemahaman tentang isu-isu, konteks dan pengetahuan masyarakat setempat.

Program syarahan ini dihadiri oleh beberapa Ketua Jabatan, Penolong Pendaftar, barisan MPP UUM dan juga pelajar dari kursus Etika Pentadbir Awam dan Pengurusan Sumber Manusia. Ketua Pegawai Eksekutif IDR juga telah menawarkan tempat kepada pelajar UUM untuk menjalani latihan praktikal di IDR dan turut bersedia bagi menjalankan kolaborasi penyelidikan bersama NCRC dalam bidang sosial ekonomi dan pembangunan di NCER khususnya di negeri Perak.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.